# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## SABTU 20 APRIL 2019

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4.<br>5.<br>6.<br>7.<br>8.<br>9.<br>10. | GOLONGAN PESAWAH DIINGAT GUNA BENIH PADI SAH, NEWS, ASTRO AWANI - 7<br>PESAWAH P.PINANG TERIMA INSENTIF RM303,875 MUSIM INI, NEWS, BERNAMA -4<br>RM1 BILION LAKSANA TANAMAN KONTAN, SETEMPAT, HM -21<br>PROJEK TANAMAN KONTAN RM1 BILION PULIH KEWANGAN, ISU, BH -12<br>TANAMAN KONTAN BANTU PULIHKAN FELDA, DM, UM -12<br>PENANG PADI FARMERS RECEIVE RM303,875 INCENTIVE THIS SEASON, NEWS, BERNAMA -4<br>PERKASAKAN PETANI MELALUI 5G, DM, UM -22<br>MINISTRY TO DRAW UP STRATEGY TO EMPOYER FARMERS WITH 5G TECH, HOME, BORNEO POST (KK) -8<br>RM1 BIL FOR AGRICULTURAL PRODUCE, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A23 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 11.<br>12.<br>13.<br>14. | HIDUPAN LAUT MATI TERDAMPAR RUPANYAN IKAN LUMBA – LUMBA, NEGARA, KOSMO -13<br>JABATAN PERIKANAN LABUAN TINGKAT OPERASI KEKANG AKTIVITI NELAYAN HARAM, TEMPATAN, HARIAN EKSPRESS (KK) -3<br>LABUAN STEPPING UP OPS AGAINST ILLEGAL FOREIGN FISHING BOATS, NATION, DAILY EKSPRESS (KK) -1<br>DEAD SEA CREATURE A DOLPHIN – DEPT, HOME, BORNEO POST (KK) -1 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 15.<br>16. | RANCANG BANGUNKAN GELATIN HALAL, DALAM NEGERI, UM -49<br>TINGKAT POPULASI INDUK TERNAKAN LEMBU, SIDANG DUN PAHANG, SH -19 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV) |
| 17.<br>18. | 'BINTANG MAS'TARIKAN BAHARU TAMAN AGROTEKNOLOGI MARDI LANGKAWI, NEWS, BERNAMA -4<br>'BINTANG MAS'STARFRUIT NEW ATTRACTION AT MARDI AGRO-TECHNOLOGY PARK, LANGKAWI, NEWS, BERNAMA -4 | INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI) |
| 19.<br>20.<br>21.<br>22. | HARI BERTEMU PELANGGAN MOA, NASIONAL, SH -16<br>PROJEK TANAMAN KONTAN BANTU PULIH KEWANGAN FELDA, NEGARA, KOSMO -17<br>RM1 BIL CASH CROP PROJECT TO RESTORE FELDA FINANCIALLY, NATION, STAR -6<br>RM1B CASH CROP PROJECT FOR FELDA, NEWS, NST -8 | LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA) |
| 23.<br>24.<br>25.<br>26.<br>27.<br>28.<br>29.<br>30.<br>31. | ILMU LEMON SICILY, SETEMPAT, HM -4<br>MKMF DIPERLUAS KE SELURUH NEGARA, DALAM NEGERI, UM -50<br>REBUNG BULUH MADU BERBALOI DIUSAHA, MASYARAKAT, BH -61<br>TANAMAN LEMON BAKA ITALI MEMBIAK DI JITRA, MASYARAKAT, BH -61<br>KEBUN DAPUR BAK TAMAN MINI, HATI, HM -57<br>IKAN TAK MASUK BUBU, SETEMPAT, HM -14<br>300 TONNES OF OIL DUMPED OFF KOTA TINGGI, VIEW, STAR -15<br>WE MUST PROTECT THE SUNGAI BULOH NURSERIES, COMMENT, STARMETRO -8<br>COMPENSATE US, SAY FISHERMEN, NATION / NEWS, NST -13 | LAIN - LAIN |

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Golongan pesawah diingat guna benih padi sah | | |
| MediaTitle | Astro Awani (www.astroawani.com) | | |
| Date | 20 Apr 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 2 |
| Order Rank | 7 | Readership | 4 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 600 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,800 |

# Golongan pesawah diingat guna benih padi sah

KEPALA BATAS : Golongan pesawah di seluruh negara diingatkan supaya tidak menggunakan benih padi yang tidak sah atau yang tidak berdaftar di bawah Skim Pengesahan Benih Padi (SPBP) bagi mengelak diserang penyakit Hawar Bulir Bakteria (BPB).
Timbalan Ment...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Pesawah P.Pinang terima insentif RM303,875 musim ini | | |
| MediaTitle | Bernama(www.bernama.com) | | |
| Date | 20 Apr 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 2 |
| Order Rank | 4 | Readership | 7 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 900 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 2,700 |

# Pesawah P.Pinang terima insentif RM303,875 musim ini

KEPALA BATAS, 20 April (Bernama) -- Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menyampaikan insentif Petak Model Pengurusan Tanaman Padi berjumlah RM303,875 kepada pesawah di Pulau Pinang hari ini. Timbalan Menterinya, Sim Tze Tzin berkata pesawah yang...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/4/2019 | HARIAN METRO | SETEMPAT | 21 |

# RM1 bilion laksana tanaman kontan

**Warga Felda boleh menarik nafas lega selepas kerajaan memperuntukkan RM1 bilion dalam melaksanakan projek tanaman kontan jangka pendek sebagai alternatif membantu meningkatkan pendapatan peneroka dalam tempoh lima tahun akan datang.**

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, persetujuan itu dicapai hasil kerjasama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi dalam usaha memulihkan kewangan agensi itu.

Beliau berkata, kerjasama itu hasil perbincangan dalam Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) yang diadakan semalam.

"Melalui mesyuarat MPFN, saya berbincang dengan menterinya, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali untuk melaksanakan pendekatan baharu bagi memulihkan semula Felda dengan memperkenalkan konsep tanaman kontan jangka pendek bernilai RM1 bilion.

"Daripada jumlah itu, RM250 juta dimulakan tahun ini dan dilaksanakan di tanah bersesuaian milik Felda di seluruh negara.

"Bagi tujuan pelaksanaan projek ini, Ketua Setiausaha (KSU) daripada dua kementerian berkenaan mengadakan perbincangan lanjut untuk memastikan agenda ini berjaya, sekali gus mencapai misi membantu Felda," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/4/2019 | BERITA HARIAN | ISU | 12 |

# Projek tanaman kontan RM1 bilion pulih kewangan


*Salahuddin melawat pameran selepas merasmikan Program Hari Bertemu Pelanggan MOA Peringkat Lembah Klang di Ibu Pejabat FAMA, Kuala Lumpur, semalam.*

**Kuala Lumpur:** Projek tanaman kontan bernilai RM1 bilion akan dilaksanakan di tanah milik FELDA dalam usaha memulihkan kewangan agensi itu, kata Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub.

Beliau berkata, pelaksanaan projek itu membabitkan kerjasama kementeriannya dengan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi yang dicapai dalam perbincangan pada mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN), kelmarin.

Katanya, projek tanaman jangka pendek itu dijangka mampu meningkatkan pendapatan FELDA dalam tempoh lima tahun akan datang.

Beliau berkata, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) akan menyediakan kepakaran menerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) serta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) bagi membantu menjayakan projek itu.

"Melalui mesyuarat MPFN, saya berbincang dengan Azmin (Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali) untuk melaksanakan pendekatan baharu memulihkan semula FELDA dengan memperkenalkan konsep tanaman kontan bernilai RM1 bilion.

"Suku daripada jumlah peruntukan projek berkenaan, iaitu sebanyak RM250 juta akan dimulakan tahun ini dan dilaksanakan di tanah bersesuaian milik FELDA di seluruh negara," katanya.

## Kertas Putih FELDA

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Program Hari Bertemu Pelanggan MOA Peringkat Lembah Klang di Ibu Pejabat FAMA, di sini, semalam.

Sebelum ini, melalui pembentangan Kertas Putih FELDA di Parlimen, Mohamed Azmin mendedahkan aliran tunai FELDA berada pada tahap kritikal yang mana baki tunainya merosot daripada purata RM2.5 bilion dalam tempoh 2007 hingga 2011, kepada hanya RM400 juta pada 2017.

Salahuddin berkata, Ketua Setiausaha (KSU) daripada dua kementerian terbabit akan mengadakan perbincangan lanjut untuk memastikan pelaksanaan projek itu berjaya, sekali gus mencapai misi membantu FELDA.

Sementara itu, beliau berkata, Hari Bertemu Pelanggan MOA akan diadakan pada peringkat negeri dan daerah setiap Rabu, manakala peringkat kementerian pula berlangsung di jabatan serta agensi terpilih sebulan sekali.

Selain itu, katanya, FAMA berjaya menjana nilai jualan berjumlah RM386 juta melalui 3,137 outlet pemasaran membabitkan 71,740 usahawan tani terkumpul bawah bimbingan FAMA.

## Rancang kerjasama

Beliau berkata, pihaknya juga merancang menjalinkan kerjasama pintar dengan pusat beli-belah dalam talian, termasuk Lazada, bagi meningkatkan nilai jualan Agrobazaar Online dalam memenuhi permintaan ekonomi digital di negara ini.

"Hingga kini, Agrobazaar Online mencatat nilai jualan RM4.5 juta membabitkan 4,840 pemasar berdaftar dan 20,000 unit simpanan stok (SKU) dan ia harus dipertingkat untuk memastikan 'kedai dalam talian' itu tidak ketinggalan," katanya.

> Projek tanaman jangka pendek itu dijangka mampu meningkatkan pendapatan FELDA dalam tempoh lima tahun akan datang"
>
> ***Salahuddin Ayub,***
> *Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani*

Dalam pada itu, Salahuddin berkata, pihaknya akan melihat keperluan untuk meminda dasar dalam Agro Bank berkaitan pinjaman mikro kredit supaya ia bersifat lebih 'lunak' terhadap usahawan perusahaan kecil dan sederhana (SME).

Beliau berkata, pemindaan dasar itu perlu berorientasikan rakyat bagi memudahkan lagi usahawan SME dalam aspek pinjaman.

"Kita mahu mempermudahkan usahawan SME untuk berjaya ke peringkat lebih tinggi. Kita tidak mahu apabila sudah keluar daripada SME ke peringkat antarabangsa contohnya, tetapi masih ada hutang pinjaman," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 20/4/2019 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 12 |



SALAHUDDIN AYUB (tiga dari kiri) menyampaikan replika cek geran untuk usahawan tani muda sempena program Hari Bertemu Pelanggan Kementerian Pertanian dan Asas Tani peringkat Lembah Klang di ibu pejabat Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) di Kuala Lumpur, semalam. – UTUSAN/FAUZI BAHARUDIN

## Dua kementerian bekerjasama

# Tanaman kontan bantu pulihkan Felda

Oleh MOHAMAD HAFIZ YUSOFF BAKRI
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 19 APRIL

KEMENTERIAN Pertanian dan Industri Asas Tani akan bekerjasama dengan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi bagi melaksanakan 'cash crop' (tanaman kontan) dalam usaha membantu memulihkan kewangan Felda.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub berkata, projek bernilai RM1 bilion itu akan bermula dalam masa terdekat dengan melibatkan beberapa jenis tanaman buah-buah serta sayur-sayuran.

Menurutnya, pelaksanaan projek itu akan dibantu menerusi agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) serta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

"Saya telah berbincang dengan Datuk Seri Mohamed Azmin Ali bagaimana langkah seterusnya untuk memulihkan kembali Felda, dengan mengemukakan konsep 'cash crop' bernilai hampir RM1 bilion.

"Mungkin tahun ini suku daripada RM1 bilion iaitu RM250 juta akan dilaksanakan di tanah milik Felda seluruh negara sebagai permulaan. Jadi sememangnya kementerian kita saling bekerjasama bagi membantu Felda dan ini satu cabaran besar," katanya kepada pemberita dalam Majlis Hari Bertemu Pelanggan MOA Peringkat Lembah Klang di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi FAMA, Ishak Ismail dan Ketua Pengarah FAMA, Datuk Ahmad Ishak.

Dalam pada itu, Salahuddin berkata, pihaknya akan mempertingkatkan platform perkhidmatan jualan dalam talian, Agro Bazar Online dalam usaha membantu usahawan pertanian memasarkan produk mereka.

"Kita akan mengadakan kerjasama dengan syarikat seperti Lazada dan Shopee. Malah ada usahawan kita yang belajar dengan Ali Baba untuk mempertingkatkan pengetahuan dalam teknologi baharu.

"Ini semua merupakan peluang yang mesti kita ambil. Setakat ini, nilai jualan telah mencecah RM4.5 juta dengan 4,820 penjual berdaftar di samping 20,000 produk unit menyimpan stok (SKU)," ujarnya.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Penang padi farmers receive RM303,875 incentive this season | | |
| MediaTitle | Bernama(www.bernama.com) | | |
| Date | 20 Apr 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 2 |
| Order Rank | 4 | Readership | 7 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 900 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 2,700 |

# Penang padi farmers receive RM303,875 incentive this season

KEPALA BATAS, April 20 (Bernama) -- The Agriculture and Agro-based Industry Ministry today handed Padi Planting Management Model Plot incentive of RM303,875 to padi farmers in Penang.
Its deputy Minister, Sim Tze Tzin said the padi farmers who received t...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 20/4/2019 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 22 |

# Perkasakan petani melalui 5G

**PUTRAJAYA 19 April** - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) akan merangka strategi memperkasa golongan petani supaya kekal relevan dan kompetitif dalam arus teknologi 5G, kata Timbalan Menterinya, Sim Tze Tzin.

Beliau berkata, melalui teknologi 5G, pertanian dapat dijalankan dengan efisien dengan sukatan baja dan air yang betul walaupun berlakunya perubahan cuaca.

"Teknologi 5G juga mampu membantu petani ke arah pertanian pintar yang bukan sahaja meningkatkan produktiviti tetapi juga pendapatan," katanya kepada media selepas melawat Pameran 5G Malaysia di Kompleks Perbadanan Putrajaya, di sini hari ini.

Sim berkata, syarikat e-dagang juga dialu-alukan untuk bekerjasama membantu petani menjual hasil pertanian mereka kerana jualan melalui platform dalam talian dapat meningkatkan pendapatan golongan itu.

"Konsep dan pemikiran petani serta pengguna harus berubah kerana ia penting dalam menerima manfaat daripada teknologi 5G ini nanti," katanya. - BERNAMA

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Ministry to draw up strategy to empower farmers with 5G tech | | |
| MediaTitle | Borneo Post (KK) | | |
| Date | 20 Apr 2019 | Color | Black/white |
| Section | Home | Circulation | 18,290 |
| Page No | 8 | Readership | 54,870 |
| Language | English | ArticleSize | 77 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 215 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 644 |



# Ministry to draw up strategy to empower farmers with 5G tech

**PUTRAJAYA:** Deputy Agriculture and Agro-based Industry Minister Sim Tze Tzin said the ministry will develop a strategy to empower farmers to remain relevant and competitive in the age of 5G technology.

He said farming could be carried out efficiently, with correct fertiliser and water measurements, despite climate change through 5G technology.

"The 5G technology is able to help farmers achieve intelligent farming, which not only will help increase productivity but income as well," he told the media after visiting the Malaysian 5G Exhibition at the Putrajaya Corporation Complex here yesterday.

Sim also welcomed cooperation from e-commerce companies to assist farmers sell their agricultural produce through online platforms and increase their income. – Bernama

Powered by: isentia

| Headline | RM1 bil for agricultural produce | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Nanyang Siang Pau | | |
| Date | 20 Apr 2019 | Color | Full Color |
| Section | National | Circulation | 27,667 |
| Page No | A23 | Readership | 83,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 369 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,642 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 13,925 |





沙拉胡丁（左二）拿起麦克风协助售卖农产品，左为沈志勤，右起阿末依沙及依萨依斯迈。

## 农长：2部门合作重振联土局

# 10亿推动经济农作物

【士拉央19日讯】农业及农基工业部将与经济事务部合作，实施"经济农作物"，以协助联邦土地发展局恢复健全的财务状况。

农业及农基工业部长沙拉胡丁说："这项价值10亿令吉的项目将很快启动，涉及多种水果和蔬菜。

"我已经与（经济事务部长）阿兹敏阿里会面并讨论，下一步将通过价值近10亿令吉的经济农作物概念，以重振联邦土地发展局。

"也许今年会实施四分之一（2亿5000万令吉）的价值。因此，我的部门正在共同努力帮助联邦土地发展局，这对部门来说是一个巨大的挑战。"

沙拉胡丁今早出席在联邦农业销售局总部举行的农业及农基工业部四十五周年会后，在记者会这么说。

出席者包括农业及农基工业部副部长沈志勤、副秘书长朱妮……联邦农业销售局主席依萨依斯迈和总监拿督阿末依沙。

## 农销局创3.8亿销售额

沙拉胡丁说，截至2019年2月，联邦农业销售局通过3137个营销渠道，创造了3亿8600万令吉的销售额，涉及联邦农业销售局指导下的2万1740个农业企业家。

他表示，"农业部会客日"计划的主要是"营销和企业家精神"，将在每周联邦农业销售局规划举行，而部门级别则每月举行一次。

联邦农业销售局将会为民众提供一个与其管理层会面的平台，以通过农业部客户日计划获得所提供服务的任何说明。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 20/4/2019 | KOSMO | NEGARA | 13 |

# Hidupan laut mati terdampar rupanya ikan lumba-lumba

**LABUAN** – Bangkai sejenis hidupan laut yang disangkakan sebagai haiwan misteri yang terdampar di Pantai Membedai di sini pada Rabu lalu, disahkan sebagai ikan lumba-lumba Empesut betina.

Pengarah Jabatan Perikanan Labuan, Faizal Ibrahim Suhaili berkata, seorang penyelidik perikanan dari Rantau Abang di Terengganu mengesahkan bahawa ikan lumba-lumba itu dengan nama saintifik *Orcaella brevirostris,* adalah spesies ikan lumba-lumba *euryhaline.*

Katanya, ia hidup dalam subpopulasi berhampiran pinggir laut dan di muara sungai di beberapa kawasan di Pulau Pinang, beberapa negeri di Semenanjung dan Sabah serta Sarawak.

Menurutnya, ikan lumba-lumba sepanjang 2.5 meter dengan berat 80 kilogram itu telah mati selama lebih 72 jam pada hari bangkainya dijumpai iaitu Rabu lalu.



Hidupan mirip ikan lumba-lumba ditemui mati terdampar

LABUAN - Sejenis hidupan laut yang dianggap misteri dijumpai mati terdampar dalam keadaan telah reput di Pantai Membedai di sini kelmarin.

Bangkai haiwan yang menyerupai ikan lumba-lumba sepanjang 1.8 meter itu dijumpai di pantai peranginan popular berkenaan pagi kelmarin oleh seorang pengunjung pantai.

Bagaimanapun spesies hidupan itu belum dapat dikenal pasti oleh pegawai perikanan dan veterinar.

Pengarah Jabatan Ve-

**KERATAN *Kosmo!* semalam.**

"Kematian mamalia itu berpunca daripada sebab semula jadi.

"Ini bukan kali pertama bangkai hidupan laut seperti ini terdampar di pantai.

"Pada 2015, dua ekor ikan paus pilot sirip pendek (*Globicephala macrorhynchus* daripada keluarga ikan lumba-lumba) dijumpai terdampar di sebuah pantai berhampiran Pantai Membedai," katanya di sini semalam.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Jabatan Perikanan Labuan tingkat operasi kekang aktiviti nelayan haram | | |
| MediaTitle | Harian Ekspres (KK) | | |
| Date | 20 Apr 2019 | Color | Black/white |
| Section | Tempatan | Circulation | 25,055 |
| Page No | 3 | Readership | 75,165 |
| Language | Malay | ArticleSize | 143 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 304 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 912 |

# Jabatan Perikanan Labuan tingkat operasi kekang aktiviti nelayan haram

LABUAN: Jabatan Perikanan Labuan meningkatkan operasi di laut bagi mengekang kehadiran bot nelayan haram dan kapal pukat tunda daripada nelayan asing khususnya dari Vietnam.

Pengarahnya Faizal Ibrahim Suhaili berkata kehadiran nelayan asing itu bukan hanya menjejaskan industri perikanan tempatan tetapi menyebabkan kerugian pendapatan negara.

"Dalam operasi bersepadu dengan polis marin sejak Isnin hingga semalam, kami berjaya menahan 13 nelayan Vietnam dan dua bot kayu yang menceroboh perairan kita serta merampas kira-kira 150kg pelbagai hasil tangkapan laut," katanya dalam sidang akhbar selepas melancarkan program libat urus jabatan itu di sini, Jumaat.

Antara kawasan yang terlibat dalam usaha pemantauan, kawalan dan pengawasan ialah perairan Labuan, kawasan menangkap ikan laut dalam popular di Semarang, lokasi menyelam di Vernon Bank, Menumbok, Weston, Sipitang di Sabah dan Awat-Awat, Lawas, Sarawak.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tahun lepas mendedahkan kerajaan menganggarkan kerugian sebanyak RM6 bilion setiap tahun akibat kegiatan haram oleh nelayan asing dan kapal pukat tunda.

Daripada jumlah itu, RM1.8 bilion dianggarkan kerugian akibat penangkapan ikan laut dalam dan RM4.2 bilion pula daripada penangkapan ikan di pesisir pantai.

"Kami bekerjasama dengan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan polis marin untuk memastikan kita tidak akan terus kehilangan sumber laut kepada nelayan asing," katanya.

Sebanyak 256 kapal asing khususnya dari Vietnam dengan hasil tangkapan bernilai RM180 juta dirampas sejak 2016 sehingga kini. – Bernama

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Labuan stepping up ops against illegal foreign fishing boats | | |
| MediaTitle | Daily Express (KK) | | |
| Date | 20 Apr 2019 | Color | Black/white |
| Section | Nation | Circulation | 25,055 |
| Page No | 1 | Readership | 75,165 |
| Language | English | ArticleSize | 157 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 334 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 1,001 |



# Labuan stepping up ops against illegal foreign fishing boats

LABUAN: The Labuan Fisheries Department is stepping up operations against the continuous presence of illegal foreign fishing boats and trawlers, especially from Vietnam, in Labuan waters.

Its director, Faizal Ibrahim Suhaili said the illegal operations by foreign fishermen had not only affected the local fishing industry but could also incur revenue losses to the government.

"In an integrated operation with marine police this week from April 15 to 18, we managed to nab 13 Vietnamese fishermen in two wooden boats which encroached into our waters and seized 150 kg of various marine catch," he said.

Among the areas covered by the surveillance and control efforts were Labuan waters including the popular deep-sea fishing site of Semarang, emerging dive site of Vernon Bank, Menumbok, Weston and Sipitang in Sabah and Awat-Awat in Lawas district, Sarawak.

The Agriculture and Agro-Based Industry Ministry last year disclosed that the government had estimated a loss of RM6 billion each year due to illegal fishing activities by foreign boats and trawlers.

Of the total, RM1.8 billion in losses were estimated from illegal deep-sea fishing and the remaining RM4.2 billion from illegal inshore fishing.

"We are working together with the Malaysian Maritime Enforcement Agency (MMEA) and Marine Police to ensure we will not continue to lose our marine resources to foreign fishermen," he said at the news conference after launching the Labuan Fisheries Department's Engagement Programme.

A total of 256 foreign vessels, especially from Vietnam, with some RM180 million worth of catch onboard were seized since 2016 to date.

The ministry reminded Malaysian owners not to lease their vessels to foreign fishermen for illegal fishing or they could have their fishing licence discontinued.

On unscrupulous Malaysian businessmen appearing to be working with foreign fishermen by leasing their deep-sea fishing licence, he said it was unethical.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Dead sea creature a dolphin - dept | | |
| MediaTitle | Borneo Post (KK) | | |
| Date | 20 Apr 2019 | Color | Black/white |
| Section | Home | Circulation | 18,290 |
| Page No | 1 | Readership | 54,870 |
| Language | English | ArticleSize | 77 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 215 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 644 |



# Dead sea creature a dolphin – dept

**LABUAN:** The carcass of what was thought to be a mysterious creature that washed ashore on Membedai Beach here on Wednesday has been confirmed to be that of a female Irrawaddy dolphin.

Labuan Fisheries Department director Faizal Ibrahim Suhaili said a fisheries researcher of Rantau Abang in Terengganu confirmed that the dolphin, with the scientific name of Orcaella brevirostris, is a euryhaline species of oceanic dolphin found in discontinuous subpopulations near sea coasts and in estuaries and rivers in parts of Penang, several parts of the peninsula, and Sabah and Sarawak.

He said the 2.5-metre-long 80-kg dolphin had been dead for more than 72 hours on the day it was spotted and that it had died by natural causes.

"It is not the first dead sea creature washed ashore to leave spectators flummoxed.

"In 2015, two short-finned pilot whales (Globicephala macrorhynchus - dolphin family) washed up on the nearby beach here," Faizal said.

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/4/2019 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 49 |

# Rancang bangunkan gelatin halal

**KUANTAN 19 April** - Kerajaan negeri merancang untuk membangunkan gelatin halal di Taman Halal Hab di Gambang dekat sini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Datuk Seri Ir. Mohd. Soffi Abd. Razak berkata, gelatin diperlukan bagi menampung keperluan industri makanan dan minuman, nutraseutikal, farmaseutikal serta kosmetik yang menggunakan bahan tersebut.

"Di seluruh dunia, dari segi halalnya bahan itu (gelatin) mungkin kurang dari lima peratus.

"Kalau kita dapat bangunkan dan keluarkan produk gelatin halal ini, pulangan pasti tinggi berdasarkan keperluan bahan itu dalam sektor industri makanan," katanya dalam sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) di sini hari ini.

Beliau menjawab soalan tambahan **Sim Chon Siang (PKR-Teruntum)** yang ingin tahu berhubung industri halal di Gambang.

Dalam pada itu, Mohd. Soffi berkata, Jabatan Perkhidmatan Veterinar membangunkan Program Pembangunan Ruminan (Proper) pada tahun ini bagi meningkatkan populasi induk ternakan lembu negara.

Jelasnya, objektif program itu bertujuan menstabilkan populasi ternakan ruminan menjelang 2020 sekali gus meningkatkan kapasiti pengeluaran daging lembu negara.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 20/4/2019 | SINAR HARIAN | SIDANG DUN PAHANG | 19 |

# Tingkat populasi induk ternakan lembu

**JABATAN** Perkhidmatan Veterinar telah membangunkan Program Pembangunan Ruminan (Proper) pada tahun ini bagi meningkatkan populasi induk ternakan lembu negara.

Exco Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Datuk Seri Ir. Mohd Soffi Abd Razak berkata, program itu bertujuan menstabilkan populasi ternakan ruminan menjelang 2020 sekaligus meningkatkan kapasiti pengeluaran daging lembu negara.

Menurutnya, salah usaha ke arah itu adalah dengan menggunakan rizab padang ragut yang telah diwartakan untuk penternakan.

"Kita berpendapat rizab padang ragut ini boleh digunakan secara optimum dan boleh dimanfaatkan. Kerajaan melihat potensi ini bagus dan menggalakan semua syarikat yang berminat membuat pelaburan di negeri ini," katanya.

Beliau berkata, selain bidang ternakan, kerajaan negeri merancang untuk membangunkan gelatin halal di Taman Halal Hab di Gambang di sini.

"Gelatin diperlukan bagi menampung keperluan industri makanan dan minuman, nutraseutikal, farmaseutikal serta kosmetik yang menggunakan bahan tersebut," katanya menjawab soalan tambahan Sim Chon Siang (PKR-Teruntum).

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | 'Bintang Mas'tarikan baharu Taman Agroteknologi Mardi Langkawi | | |
| MediaTitle | Bernama(www.bernama.com) | | |
| Date | 20 Apr 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 2 |
| Order Rank | 4 | Readership | 7 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 900 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 2,700 |

# 'Bintang Mas'tarikan baharu Taman Agroteknologi Mardi Langkawi

LANGKAWI, 20 April (Bernama) -- Klon belimbing hibrid, Bintang Mas atau varieti MSTAR1 akan menjadi tarikan baharu di Taman Agroteknologi Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (Mardi) Langkawi di sini. Pengurus Stesen Mardi Langkawi Mohd ...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | 'Bintang Mas'starfruit new attraction at Mardi Agro-Technology Park, Langkawi | | |
| MediaTitle | Bernama(www.bernama.com) | | |
| Date | 20 Apr 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 2 |
| Order Rank | 4 | Readership | 7 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 900 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 2,700 |

# 'Bintang Mas'starfruit new attraction at Mardi Agro-Technology Park, Langkawi

LANGKAWI, April 20 (Bernama) -- Bintang Mas or MSTAR 1 variety, the country's first starfruit hybrid clone, will be the new attraction at the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi) Agro-Technology Park here.
Langkawi Mardi stat...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/4/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 16 |

# Hari Bertemu Pelanggan MOA

*Landasan kepada orang ramai bertemu dengan pihak pengurusan*

JUNHAIRI ALYASA

SELAYANG

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyediakan landasan kepada orang ramai untuk bertemu dengan pihak pengurusannya bagi mendapatkan sebarang penjelasan mengenai perkhidmatan yang disediakan melalui Program Hari Bertemu Pelanggan MOA.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, program dengan tema 'Pemasaran dan Keusahawanan' akan diadakan pada setiap Rabu di peringkat FAMA, sementara di peringkat kementerian pula akan diadakan sebulan sekali secara berpusat.

"Setiap Rabu mulai jam 9 pagi hingga 4 petang, Hari Bertemu Pelanggan akan diadakan di setiap pejabat Jabatan dan agensi MOA peringkat negeri serta daerah seluruh negara bagi memastikan setiap pelanggan mempunyai kesempatan untuk mendapatkan perkhidmatan disediakan.

"Antara perkhidmatan ditawarkan FAMA termasuk khidmat nasihat, insentif dan bantuan serta program pertanian yang dianjurkan selaras dengan slogan 'Kepuasan Hati Pelanggan, Keutamaan Kami'," katanya selepas merasmikan Hari Bertemu Pelanggan MOA Peringkat Lembah Klang di Ibu Pejabat FAMA di Selayang, semalam.

Hadir sama, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin; Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd Sallehhuddin Hassan; Ketua Pengarah FAMA, Datuk Ahmad Ishak dan Pengerusi FAMA, Ishak Ismail.




Salahuddin beramah mesra dengan peniaga ketika lawatan kerja Hari Bertemu Pelanggan Peringkat Lembah Klang di Ibu Pejabat FAMA di Selayang, semalam.

Untuk rekod, sehingga Februari 2019, FAMA berjaya menjana nilai jualan sejumlah RM386 juta melalui 3,137 *outlet* pemasaran melibatkan seramai 71,740 usahawan tani di bawah bimbingan lembaga itu.

Sementara itu, Ahmad berkata, pihaknya akan memperkasa aspek pemasaran dan promosi harumanis yang dijangka mengeluarkan lambakan hasil pada awal Ramadan tahun ini.

"Kita galakkan rakyat berbuka puasa dengan makan mempelam harumanis sebagai pembuka selera," katanya.

Pelbagai promosi diadakan pada program tersebut menerusi Jualan Terus Dari Ladang (JTDL) yang membawakan pelbagai jualan buah-buahan dan sayur-sayuran yang dijual pada harga jimat.

Terdahulu, Salahuddin turut menyampaikan Geran Agropreneur Muda (GAM) berjumlah RM540,000 daripada pelbagai bidang pertanian seperti tanaman, ternakan, perikanan dan industri asas tani kepada 33 orang penerima dalam kalangan usahawan muda berumur dari 18 hingga 40 tahun.

**Geran Agropreneur Muda**

| Jabatan/Agensi | Bilangan | Jumlah IKC (RM) |
|---|---|---|
| FAMA | 4 orang | RM50,000 |
| DVS | 3 orang | RM60,000 |
| LPP | 9 orang | RM120,000 |
| LPNM | 17 orang | RM310,000 |
| **Jumlah** | **33 orang** | **RM540,000** |

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/4/2019 | KOSMO | NEGARA | 17 |

# Projek tanaman kontan bantu pulih kewangan Felda

**KUALA LUMPUR** – Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) dan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi akan bekerjasama melaksanakan projek tanaman kontan bagi memulihkan masalah kewangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda).

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub berkata, pendekatan itu adalah dengan melaksanakan *cash crop* (tanaman kontan atau jangka pendek) bernilai RM1 bilion dalam tempoh lima tahun. Ia dijangka bermula dalam tempoh terdekat yang melibatkan beberapa jenis tanaman, buah-buahan serta sayur-sayuran.

"Saya telah mulakan perbincangan bersama Datuk Seri Mohamed Azmin Ali (Menteri Hal Ehwal Ekonomi) mengenai apakah langkah seterusnya bagi memulihkan kembali Felda dengan mengemukakan konsep *cash crop* bernilai hampir RM1 bilion.

"Mungkin tahun ini, suku daripada jumlah itu (RM250 juta) akan dilaksanakan. Jadi, sememangnya kementerian kami saling bekerjasama untuk membantu Felda dan ini satu cabaran besar kepada MOA," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Program Hari Bertemu Pelanggan MOA Peringkat Lembah Klang di Ibu Pejabat FAMA di sini semalam.

Turut hadir Timbalan Menteri MOA, Sim Tze Tzin; Pengerusi FAMA, Ishak Ismail dan Ketua Pengarah FAMA, Datuk Ahmad Ishak.

Sementara itu, Salahuddin berkata, Program Hari Bertemu Pelanggan MOA merupakan landasan terbaik kepada orang ramai untuk bertemu dengan pihak pengurusannya bagi mendapatkan sebarang penjelasan mengenai perkhidmatan yang disediakan.

"Program yang membawa tema Pemasaran dan Keusahawanan itu akan diadakan pada setiap hari Rabu di peringkat FAMA sementara di peringkat kementerian pula akan diadakan sebulan sekali secara berpusat.

"Setiap Rabu mulai pukul 9 pagi hingga 4 petang, Hari Bertemu Pelanggan juga akan diadakan di setiap pejabat Jabatan dan Agensi MOA peringkat negeri serta daerah seluruh negara bagi memastikan setiap pelanggan mempunyai kesempatan dan peluang untuk mendapatkan perkhidmatan yang disediakan," ujarnya.

Antara perkhidmatan ditawarkan FAMA dan agensi-agensi di bawah MOA pada Hari Bertemu Pelanggan itu termasuklah khidmat nasihat, insentif dan bantuan serta program pertanian yang dianjurkan selaras dengan slogan pada program tersebut adalah Kepuasan Hati Pelanggan, Keutamaan Kami.



**SALAHUDDIN (dua dari kanan) melihat produk-produk keluaran FAMA sempena program Hari Bertemu Pelanggan MOA peringkat negeri di Ibu Pejabat FAMA, Kuala Lumpur semalam.**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 20/4/2019 | STAR | NATION | 6 |

# RM1bil cash crop project to restore Felda financially

**KUALA LUMPUR:** The Agriculture and Agro-based Industry Ministry will undertake a RM1bil cash crop project in collaboration with the Economic Affairs Ministry to help restore Felda's financial health within five years.

Its minister Datuk Salahuddin Ayub said the decision was made during the National Physical Planning Council meeting on Thursday with Economic Affairs Minister Datuk Seri Azmin Ali who tabled the new approach.

"To restore Felda's financial position, perhaps a quarter of the RM1bil will be used to start the project. The two ministries must cooperate in this effort.

"The ministry has the expertise through agencies such as Mardi the (Malaysian Agricultural Research and Development Institute) and Fama (Federal Agricultural Marketing Authority), which will take on the role of helping Felda and making the cash crop concept a success," he told reporters after a town hall with the ministry's customers here yesterday.

Describing the project as a big challenge, Salahuddin said the secretaries-general of both ministries would start the discussions, adding that further measures would be taken at the ministerial level to help Felda increase its income.

On April 10, Azmin tabled the Felda White Paper themed 'Towards Felda's Sustainability' in Parliament, which explained the issues faced by Felda and its restoration plan to safeguard the interests of its settlers.

Salahuddin, who earlier attended a meet-the-customers programme organised by Fama, said he received varied feedback from local entrepreneurs on helping them to expand their businesses.

Fama, he said, needed to improve the online business platform, *www.agrobazaar.com.my* as "online sales was the trend now and had great potential to help local entrepreneurs market their products at a higher level". — Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/4/2019 | NST | NEWS | 8 |




*Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Salahuddin Ayub attending the 'Meet the Customers' event organised by the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) in Selayang yesterday. With him is Fama directorigeneral Datuk Ahmad Ishak (left).* PIC BY MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI

# RM1b cash crop project for Felda

**KUALA LUMPUR:** The Agriculture and Agro-based Industry Ministry (MAO), in collaboration with the Economic Affairs Ministry, will undertake a RM1 billion crop project to help restore Felda's financial health within five years.

Its minister, Datuk Salahuddin Ayub, said the decision was made at the meeting of the National Physical Planning Council (NPPC) yesterday with Economic Affairs Minister Datuk Seri Azmin Ali, who tabled the new approach.

"To restore Felda's financial position, perhaps a quarter of the RM1 billion will be used to start the project. Indeed, these two ministries must cooperate.

"The MOA has the expertise through agencies such as Mardi (Malaysian Agricultural Research and Development Institute) and Fama (Federal Agricultural Marketing Authority), which will take on the role of helping Felda and making the cash crop concept a success."

Salahuddin said this after a town hall session with MOA customers here yesterday.

Describing the measure as a big challenge, Salahuddin said the secretaries-general of both ministries would start discussions, while further measures would be taken at the ministerial level to help Felda increase its income.

On April 10, Azmin had tabled the Felda White Paper themed "Towards Felda's Sustainability" in Parliament, which explained the issues faced by Felda and its restoration plans.

Salahuddin, who earlier attended the "Meet the Customers" programme organised by Fama, said he had received feedback from entrepreneurs.

He said Fama needed to improve its online business platform www.agrobazaar.com.my "as online sale is the trend and has high potential to assist local entrepreneurs market their products at a higher level". **Bernama**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/4/2019 | HARIAN METRO | SETEMPAT | 4 |

# ILMU LEMON SICILY

## ■ Bekas jurutera di Sweden usahakan tanaman di Kedah selepas anak mati akibat kanser


**Noorazura Abdul Rahman**
am@hmetro.com.my




LADANG seluas satu hektar yang diusahakan Zulkhairi di Kampung Seberang Paya Empa, Derang.

**Jitra**

Kematian anak akibat penyakit leukemia pada 2013 memberi tamparan hebat kepada jurutera di Sweden ini untuk berhenti kerja dan memilih kembali ke Malaysia menjadi petani.

Bermula dengan menanam buah tin, Zulkhairi Kassim, 53, berkata, usaha menanam buah itu dilakukan bagi mendedahkan kebaikan buah berkenaan yang dapat membantu mencegah pelbagai penyakit.

Bagaimanapun, akibat kurang menjalankan kajian, dia gagal meluaskan tanaman itu yang memerlukan kos tinggi. Selepas tiga tahun, Zulkhairi tekad melakukan kajian sendiri mengenai tanaman lemon pula.

"Lemon dipercayai mampu mencegah pelbagai penyakit termasuk kanser dan jantung.

"Kematian anak kedua saya memberi kesedaran betapa pentingnya mencegah daripada merawat.

"Pada 2016, saya terbang ke Sicily, Itali bersama beberapa agensi kerajaan dari Kedah melawat ladang lemon di sana.

"Saya membeli 10 anak pokok lemon di sana dan menanamnya di kawasan rumah. Saya juga melakukan usaha penyelidikan dan pembangunan sendiri selama dua tahun," katanya yang tinggal di Kampung Seberang.

Dalam tempoh itu, Zulkhairi berusaha menghasilkan anak pokok dan menjual anak pokok itu secara terkawal untuk menampung kehidupan.

Dia tidak mahu terburu-buru menanam pokok itu secara komersial sehinggalah pada Oktober tahun lalu, Zulkhairi mula menanam 1,000 anak pokok lemon di kawasan seluas satu hektar di Kampung Seberang Paya Empa, Derang, Pokok Sena, Alor Setar.

"Pokok lemon memerlukan cahaya matahari yang terik serta kawasan yang agak sejuk. Alhamdulillah tanah dan iklim di kampung berkenaan sesuai untuk ditanam lemon.

"Kini pokok lemon ini sudah mula berbunga dan ada yang sudah mengeluarkan buah. Ia dijangka dapat dituai pada hujung tahun ini, jadi saya berhasrat menanam 1,000 lagi anak pokok di kampung berkenaan," kata bapa kepada tiga anak ini.

Menurutnya, ladang lemon yang diusahakan kini mendapat perhatian Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) yang turut menawarkan kerjasama untuk penanaman lemon di Pantai Molek, Beris, Sik.

Dengan keluasan kira-kira 10 hektar di Pantai Molek, dia yakin dapat menanam 10,000 anak pokok lemon di kawasan itu dan menjangkakan Kedah akan menjadi pengeluar lemon terbesar di Malaysia.

"Ini juga sekali gus dapat mengurangkan jumlah import lemon. Difahamkan, Malaysia mengimport buah ini 100 peratus dari luar negara terutama dari Australia, China, India, Afrika Selatan dan New Zealand.

"Justeru, saya mengalu-alukan kerjasama daripada agensi kerajaan lain seperti Jabatan Pertanian dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk pemasaran lemon.

"Malah saya yakin penduduk Malaysia akan mula menjadikan penggunaan lemon sebagai salah satu pelengkap menu harian seperti diamalkan penduduk di Eropah dan Timur Tengah untuk membantu mencegah penyakit," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/4/2019 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 50 |




**ISMAIL BAKAR** melihat produk industri kecil dan sederhana (IKS) yang dijual di Pusat Sehenti Homestay Banghuris sempena program "My Kampung My Future" di Sepang, Selangor, semalam. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI.

# MKMF diperluas ke seluruh negara

**SEPANG 19 April** - Program "My Kampung My Future" akan diperluaskan ke seluruh negara dalam usaha mengurangkan penghijrahan golongan belia ke bandar.

Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Dr. Ismail Bakar berkata, program tersebut akan memberi tumpuan kepada pembangunan produk kampung sekali gus melahirkan lebih ramai usahawan luar bandar.

"Banyak aktiviti yang boleh dijalankan antaranya menyediakan rumah inap, memperkasakan produk tempatan seperti keropok ikan, pembuatan batik dan sebagainya.

"Secara tidak langsung, pemerkasaan bidang yang disebutkan tadi akan membuka peluang pekerjaan kepada anak muda tempatan tanpa perlu meninggalkan kampung halaman untuk bekerja di bandar," katanya ketika ditemui selepas melawat rumah inap Banghuris, dekat sini, semalam.

Ismail berkata, program MKMF merupakan inisiatif Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani yang mana beliau terlibat secara langsung ketika menjadi ketua setiausaha kementerian berkenaan sebelum ini.

Program yang dilaksanakan sejak 2012 kini mempunyai 15 buah kampung terlibat dengan jumlah peserta seramai 1,930 orang.

"Ini merupakan program berterusan dan kerajaan akan meningkatkan penglibatan semua pemain industri untuk memajukan produk luar bandar.

"Kerajaan akan sentiasa memberi panduan kepada usahawan ini dan diharapkan orang kampung akan menyokong inisiatif kita," katanya.

Sementara itu, bercakap mengenai rumah inap Banghuris, beliau berkata, terdapat tiga buah kampung terlibat dalam program MKMF iaitu Kampung Bukit Bangkong, Kampung Hulu Chuchoh dan Kampung Hulu Teris.

Katanya, jumlah keseluruhan penduduk terlibat adalah 5,921 orang dengan 1,423 daripadanya adalah belia.

"Banghuris merupakan kampung perintis MKMF yang mengaplikasikan sistem dalam talian bagi pembangunan serta kemajuan projek sedia ada menerusi penggunaan kod QR di taman kekal pengeluaran makanan bagi memudahkan orang ramai mengetahui maklumat yang diperlukan.

"Selain itu, pelanggan boleh menempah penginapan di rumah inap di sini menerusi dalam talian menerusi laman web *agrobazar.com.my*," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/4/2019 | BERITA HARIAN | MASYARAKAT | 61 |


# Rebung buluh madu berbaloi diusaha

**Pesara tentera mampu hasil lebih 200kg sebulan penuhi permintaan tinggi**

**Oleh Nazri Abu Bakar**
cnews@nstp.com.my

**Melaka**

Seorang pesara tentera menyifatkan tanaman buluh madu berbaloi untuk diusahakan bagi mengisi masa persaraan, berikutan permintaan tinggi terhadap rebungnya.

Memiliki lebih 300 rumpun buluh madu di kawasan kebun seluas kira-kira 1.3 hektar di Kampung Mentangau, dekat Sungai Udang, di sini, sejak 22 tahun lalu, Samsudin Mansor, 69, mampu menghasilkan lebih 200 kilogram (kg) rebung sebulan.

Setiap empat hari, Samsudin berupaya mengutip sehingga 30 kg rebung dari kebun buluhnya itu, sebelum dihantar kepada pelanggan.

Beliau berkata, rebung itu bukan setakat dipasarkan di sekitar kawasan kediamannya, tetapi turut dihantar kepada pembeli di sekitar Masjid Tanah, Alor Gajah, bandar Melaka dan Negeri Sembilan, terutama dalam kalangan pengusaha restoran, selain turut menerima tempahan bagi majlis perkahwinan dan keramaian.

Katanya, walaupun tempoh menunggu agak lama iaitu lebih setahun sebelum dapat menuai hasil rebung daripada tanaman buluh, ia tidak menghalang minatnya untuk mengusahakan tanaman berkenaan.

"Mungkin tempoh yang lama menyebabkan tidak ramai yang mahu mengusahakan buluh sebagai sumber pendapatan tambahan, namun saya tetap berfikiran positif untuk mengusahakannya.

## Penjagaan tidak sukar

"Penjagaannya juga tidak sukar. Hanya memadai air dan baja mencukupi, selain kawasan sekitarnya perlu dibersihkan. Keikhlasan berbudi kepada tanah pasti dibalas dengan rezeki lumayan," katanya ketika ditemui.

Samsudin berkata, setiap rebung yang belum menjadi buluh akan dipangkas bagi proses penyediaan hasil sebelum dijual.

Apa yang menarik, akar rebung turut mampu mengeluarkan rebung dan buluh yang baharu dengan syarat umbinya tidak dipotong.

Malah, setiap umbi mampu menghasilkan empat atau lebih rebung yang baharu, namun jika sudah membesar dan lambat dipotong, ia akan menjadi buluh.

Pada masa sama, tidak semua rebung akan dipotong berikutan ia juga perlu dibiarkan menjadi buluh bagi proses mengeluarkan benih baharu untuk pembiakan.

Selain rebung, dia turut menjual benih buluh bagi mereka yang mahu mengusahakannya dengan sambutan juga amat menggalakkan.

Bercerita lanjut sebaik bersara, dia pada awalnya menanam sayur-sayuran, namun kerap mengalami kegagalan mendorongnya mengusahakan tanaman buluh berkenaan.

Dengan kebun yang bersih dia tidak berdepan risiko serangan haiwan berbisa termasuk ular, lipan dan jengking berbanding pencari rebung liar yang hasilnya terhad.

Malah, rumpun buluh juga dijual bagi kegunaan petani, pengusaha perabot dan industri kraftangan.

Isterinya, Razmi Mat Bakar, 67, berkata rebung madu boleh dimakan mentah dengan rasa lemak yang enak, selain boleh dihidangkan dengan pelbagai cara termasuk sebagai ulam dicicah dengan budu, masak kari daging dan paling popular adalah menu masak lemak cili.

Katanya, permintaan terhadap rebung madu meningkat mendadak setiap kali musim cuti sekolah atau perayaan berikutan orang ramai menganjurkan majlis kenduri perkahwinan.

"Saya dan suami akan bersama-sama membersihkan, mencincang, merebus dan membungkus rebung dari kebun sebelum dipasarkan pada harga RM6 sekilogram," katanya.

[FOTO NAZRI ABU BAKAR /BH]



***Samsudin menunjukkan rebung madu yang enak dimakan*** *ketika ditemui di kebun buluh miliknya di Kampung Mentangau, Sungai Udang.*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/4/2019 | BERITA HARIAN | MASYARAKAT | 61 |

# Tanaman lemon baka Itali membiak di Jitra

[FOTO SHARUL HAFIZ ZAM /BH]



***Zulkhairi menunjukkan buah lemon yang sudah masak** ketika ditemui di rumahnya di Kampung Seberang, Jitra.*

**Jitra:** Kematian anak akibat leukemia lebih lima tahun lalu, menduga ketabahan seorang jurutera apabila beliau terpaksa berhenti kerja di Sweden dan kembali ke Malaysia untuk menjadi petani.

Bermula dengan tanaman buah tin, Zulkhairi Kassim, 53, berusaha menjayakan penanaman sambil mendedahkan kepada orang ramai mengenai kebaikannya dalam mencegah pelbagai penyakit.

Bagaimanapun, beliau gagal meluaskan tanaman itu berikutan ia memerlukan kos yang tinggi.

Zulkhairi berkata, selepas tiga tahun, beliau tekad untuk melakukan kajian sendiri mengenai tanaman lemon pula.

"Lemon dipercayai mampu mencegah pelbagai penyakit termasuk kanser dan jantung. Kematian anak kedua saya memberi kesedaran kepada saya betapa pentingnya mencegah daripada merawat.

"Pada 2016, saya terbang ke Sicily, Itali, bersama beberapa agensi kerajaan dari Kedah, untuk melawat ladang lemon dan membeli 10 anak pokok lemon di sana.

## Penyelidikan selama 2 tahun

"Selepas kembali, saya cuba menanamnya di kawasan rumah dan melakukan penyelidikan sendiri selama dua tahun," katanya yang menetap di Kampung Seberang, di sini.

Zulkhairi berkata, sepanjang tempoh itu, beliau berusaha menghasilkan anak pokok lemon dan menjual anak pokok itu secara terkawal untuk menampung kehidupan.

Katanya, beliau tidak mahu terburu-buru terus menanam pokok itu secara komersial sehinggalah pada Oktober tahun lalu, apabila mula menanam sebanyak 1,000 anak pokok lemon di kawasan seluas satu hektar di Kampung Seberang Paya Empa, Derang, Pokok Sena.

"Pokok lemon memerlukan cahaya matahari yang terik serta di kawasan yang agak sejuk. Alhamdulillah tanah dan iklim di kampung berkenaan sesuai untuk ditanam lemon.

"Kini pokok lemon ini sudah mula berbunga dan ada yang sudah mengeluarkan buah. Ia dijangka dapat dituai pada hujung tahun ini. Saya berhasrat menanam 1,000 anak pokok lagi di kampung berkenaan," katanya.

Zulkhairi berkata, ladang lemon yang diusahakan kini mendapat perhatian Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) yang turut menawarkan kerjasama supaya lemon dapat ditanam di Pantai Molek, Beris, Sik.

Katanya, dengan keluasan kira-kira 10 hektar di Pantai Molek, beliau yakin dapat menanam 10,000 anak pokok lemon di kawasan itu dan menjangkakan Kedah akan menjadi pengeluar lemon terbesar di Malaysia.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/4/2019 | HARIAN METRO | HATI | 57 |

# KEBUN DAPUR BAK TAMAN MINI

## Maizura jadikan bertani sebagai aktiviti riadah sekeluarga

Yusliza Yakimir Abd Talib
yusliza@hmetro.com.my

Memanfaatkan halaman rumah dengan pelbagai tanaman dan sayuran bukan saja memberi kepuasan buat mereka yang meminatinya malah menghidangkan pemandangan indah serta menyejukkan mata.

Tambahan pula dalam kehidupan serba pantas ini, hobi berkebun boleh dijadikan sebagai salah satu terapi untuk menenangkan diri sambil bersantai bersama keluarga tersayang.

Bagi Maizura Abdul Hamid, 32, hobi itu juga turut memberinya inspirasi untuk mendekorasi setiap sudut kawasan kebun kecilnya agar halaman rumah tampak teratur, tersusun cantik dan saujana mata memandang.

Meskipun ruang halamannya disifatkan cuma 'sekangkang kera', Maizura bijak memanfaatkan ruang yang ada untuk menanam pelbagai jenis tanaman di rumahnya di Felda Chini 4, Pekan, Pahang.

Menariknya, kebun dapur yang diusahakan ibu kepada seorang cahaya mata itu dihias indah seperti taman mini selain dilengkapi hiasan comel dan menarik.

Jelasnya, sejak mula menanam sayur sendiri di rumah, banyak kelebihan dan manfaat yang diperoleh antaranya dia tidak lagi perlu membelanjakan wang untuk membeli sayur di pasar.

Malah katanya, dengan menanam sendiri, dia tahu bahan apa yang harus digunakan untuk menjaga kebunnya seperti baja, kawalan serangga dan kulat pada tanaman.

Katanya, keadaan ini jauh berbeza jika membeli sayur di pasar, kita tidak tahu jenis baja dan bahan kawalan serangga yang digunakan sama ada ia mengandungi bahan kimia berbahaya atau tidak.

"Kita tidak tahu sayur yang dijual di pasar diambil dari mana dan cara pengurusan penanamannya. Malah tiada jaminan sama ada sayur itu bebas racun serangga yang berbahaya, jadi ada baiknya saya menanam sendiri di rumah.

"Selain itu, apabila berkebun memang saya akui ia banyak memberi kelebihan kepada kesihatan kerana hobi ini juga dapat mengeluarkan peluh.

"Memang kadangkala tiada masa nak bersenam, tapi dengan aktif menanam dan menjaga tanaman dapat bantu saya kekal cergas dan dijadikan sebagai aktiviti riadah saya sekeluarga.

"Saya juga bersyukur kerana suami banyak memberi galakan, malah tidak kisah menemani saya mendapatkan barangan diperlukan untuk hobi ini," katanya.

Mula meminati aktiviti itu sejak berkahwin, katanya hobi itu sekadar mengisi masa lapangnya dan biasanya dia mula berkebun seawal jam 7.30 pagi selepas menghantar anaknya ke sekolah.

Menurutnya, hasil tanaman biasanya untuk kegunaan sendiri dan ada juga memberinya kepada jiran malah dia beruntung kerana kebanyakan jiran berkongsi minat sama dengannya.

Katanya, perkara itu memberi kelebihan buat mereka kerana dapat bertukar anak benih dan berkongsi pendapat mengenai aktiviti itu apabila bertemu.

Tambahnya, semangat kejiranan di kampung itu amat kuat malah pihak pengurusan FELDA selalu mengadakan pertandingan kebun sayur dalam kalangan penduduk.

"Apabila diadakan pertandingan, ia dapat memupuk semangat berkebun di setiap peringkat generasi FELDA.

"Tambahan pula, hobi ini banyak kelebihannya dan mendekatkan kita dengan alam dan secara tidak langsung dapat melestarikan nikmat Allah yang sungguh bernilai ini iaitu kehijauan alam," katanya.

Menurut Maizura, dia turut menyertai kumpulan mengenai tanaman dan kebun di Facebook dan banyak membantu berkongsi ilmu mengenai kaedah penanaman yang betul selain mencantikkan kebunnya.

Berkongsi petua menjaga tanaman, baginya pokok bunga dan sayur diletakkan betul-betul di tengah panas namun harus mencukupkan air dan baja bagi menyuburkan tanaman.



MAIZURA memanfaatkan ruang terhad di rumahnya dengan kebun dapur.



ANTARA tanaman yang ada di kebun.



HOBI berkebun terapi buat Maizura.



HASIL tanaman yang subur dengan penjagaan betul.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/4/2019 | HARIAN METRO | SETEMPAT | 14 |

TANJUNG BALAU TERCEMAR

# IKAN TAK MASUK BUBU

**Nelayan rugi RM8,000 perangkap diselaputi minyak**

Mohd Sabran Md Sari
sab@hmetro.com.my

**Kota Tinggi**

"Ini pencemaran terburuk pernah kami alami," kata Pengerusi Koperasi Sinar Tanjung Balau, Salahuden Abu Bakar mengulas insiden pembuangan sisa *Marine Fuel Oil* (MFO) di kawasan itu sejak pagi Rabu lalu.

Ini terbukti apabila minyak kapal itu dilihat dengan jelas mengotori pesisir pantai Tanjung Balau hingga memberi kesan kepada sektor pelancongan.

Paling merisaukan tempoh baik pulih kesan pencemaran itu mengambil masa berbulan, malah kesan tumpahan minyak sebelum ini hanya dapat diselesaikan sepenuhnya dalam enam bulan.

Menurut Salahuden, lebih terkesan apabila nelayan pesisir pantai mengalami kerugian besar apabila bubu dan peralatan menangkap ikan rosak.

"Kebetulan, banyak bubu baru yang dibuat menggunakan rotan, kayu dan dawai direndam di pesisir pantai bagi melembutkan strukturnya serta mengubah warnanya supaya kelihatan asli.

"Bagaimanapun, bubu yang dibeli pada harga RM200 setiap satu disaluti minyak hitam hingga menjejaskan mata pencarian nelayan di kawasan ini," katanya di jeti Tanjung Balau di sini, semalam.

Katanya, bau minyak yang kuat menyebabkan ikan tidak masuk dalam bubu yang diletak di dasar laut.

"Kalau dibersihkan bubu itu belum tentu dapat menjerat ikan mahupun hasil laut lain kerana bau minyak yang melekat dan sukar dibersihkan," katanya.

Salahuden berkata, insiden itu mengakibatkan nelayan kerugian RM8,000 selepas hampir 40 bubu direndam di pesisir pantai diselaputi minyak hitam.

"Itu baru saja mengambil kira kos bubu, tidak termasuk kerugian daripada 20 bubu lain yang dipasang dan mampu menjana

## 40 guni sisa minyak hari pertama

**Kota Tinggi:** Kira-kira 40 guni sisa minyak *Marine Fuel Oil* (MFO) dikumpul menggunakan *absorbent boom* pada hari pertama pembersihan minyak di perairan Tanjung Balau di sini, kelmarin.

Penolong Pegawai Laut, Jabatan Laut Wilayah Selatan (Johor) Roslee Ibrahim berkata, jumlah minyak dikumpulkan itu meliputi kawasan seluas 500 hingga 700 meter persegi dari lokasi tumpahan.

"Kerja pembersihan perairan Tanjung Balau dimulakan pada jam 6 pagi semalam (kelmarin) selepas pemantauan menggunakan dron dan sistem komputer Apasa melalui satelit menemukan tompokan minyak," katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurut beliau, pemantauan hari kedua di laut tidak menemui tompokan minyak baharu.

"Operasi bermula jam 8 pagi ini (semalam) diteruskan dengan mengesan tompokan minyak di lokasi sama yang dilakukan semalam (kelmarin).

"Justeru kerja pembersihan pada hari kedua difokuskan di lokasi sama selepas kedudukan minyak dikesan melalui sistem satelit dan dron," katanya.

Menurutnya, pasukannya masih menggunakan kekuatan 10 anggota termasuk pegawai daripada bot Al Nilam bagi melaksanakan pembersihan kawasan terjejas.

"Sekiranya didapati tompokan minyak MFO masih besar, kami akan menambah kekuatan bot dan anggota," katanya.



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 20/4/2019 | HARIAN METRO | SETEMPAT | 15 |



PASUKAN Oils Spill Response menjalankan operasi membersihkan minyak menggunakan penyerap.

pendapatan RM400 hingga RM500 seminggu.

"Jarak bubu ditempatkan 500 meter hingga satu kilometer dan kedalaman 15 meter untuk membolehkan hasil tangkapan yang banyak," katanya.

Katanya, nelayan Tanjung Balau dan Tanjung Lompat berharap dibayar pampasan akibat tumpahan minyak itu.

Katanya, sebelum ini pencemaran yang berlaku di kawasan itu hanya membabitkan tompokan minyak.

"Tetapi kali ini pencemaran membabitkan pesisir pantai sejauh dua kilometer. Ia juga melekat pada batu yang kerap dijadikan rujukan pelajar arkeologi Universiti Malaya (UM) bagi tujuan penyelidikan," katanya.



TUMPAHAN minyak meliputi kawasan seluas 700 meter persegi.

FOTO: ZAIN AHMED



BUBU yang dibeli RM200 setiap satu tidak boleh digunakan lagi.



BANYAK bubu baru yang direndam diselaputi minyak.



SALAHUDEN menunjukkan bubu miliknya yang diselaputi minyak.



SISA minyak mencemari pesisir Pantai Tanjung Balau.

Kota Tinggi

## Guna dron pantau tumpahan

Jabatan Laut Wilayah Selatan (Johor) menggunakan dron bagi merakam gambar dan video tumpahan minyak di Perairan Tanjung Balau di sini, untuk mengenal pasti kawasan terjejas dan merangka usaha pembersihan sejak kelmarin.

Pengarahnya, Dickson Dollah berkata, penggunaan dron memudahkan kakitangannya membuat anggaran kawasan terjejas akibat pembuangan *Marine Fuel Oil* (MFO) itu.

"Penggunaan dron membolehkan kami melihat dengan jelas dari atas ke mana tumpahan minyak itu dihanyutkan, sama ada menghala laut atau pantai berdekatan.

"Kami boleh mengambil langkah seterusnya termasuk merangka usaha pembersihan," katanya ketika ditemui mengendalikan dron di bot Jabatan Laut, Al Nilam, kelmarin.

Kota Tinggi

## Seminggu bersih minyak

Jabatan Laut Wilayah Selatan (Johor) dijangka mengambil masa seminggu untuk membersihkan tumpahan minyak di perairan Tanjung Balau di sini.

Pengarahnya, Dickson Dollah berkata, bagaimanapun tempoh itu bergantung kepada cuaca.

"Melihat kepada situasi ketika ini, kami menjangkakan kerja pembersihan sisa tumpahan minyak mengambil masa seminggu.

"Jika keadaan cuaca mengizinkan dan sisa minyak tidak dibawa arus akibat tiupan angin, ia akan diselesaikan dalam tempoh berkenaan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurutnya, pasukan *Oils Spill Response* jabatan itu digerakkan bagi misi membersihkan tumpahan minyak dengan menggunakan peralatan tambahan *Absorbent Boom*.

"Kami berharap pemantauan hari pertama pembersihan semalam (kelmarin) dapat mengelak sisa berkenaan mencemari pantai.

"Berdasarkan pemerhatian, arus yang kuat sebelum ini mengakibatkan sisa minyak ke pantai Tanjung Balau," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/4/2019 | STAR | VIEWS | 15 |

# 300 tonnes of oil dumped off Kota Tinggi

AT least 300 tonnes of oil was dumped in the waters off Tanjung Balau and Batu Layar in Kota Tinggi, Johor, severely polluting the sea, *Berita Harian* reported.

Johor Marine Department chief Dickson Dollah said the oil was believed to have been dumped by a vessel three days ago.

He said 18 officers had been dispatched to clean the oil in the sea and along the beach.

It has affected the livelihood of over 50 fishermen who could not go out to sea as the slick had reached the shores and damaged their equipment.

"Not only did the fishermen suffer losses because they could not go out to sea due to the pollution, the thick oil clogged up their equipment," said Pengerang Fisherman Association president Abu Bakar Mohamad.



**Dark sea:** A Marine Department vessel surveying the oil spill off Kota Tinggi. — Bernama

He said this was not the first oil spill in the area, adding that during the first incident, the authorities took six months to clean up the spill.

> *Sinar Harian* reported that an 85-year-old man got lost on his way to his children's house in Kampung Sungai Tegar, Sabak Bernam, after he forgot the route.

Asrah Salleh left his house on Wednesday on a motorcycle at 6.30pm and headed towards Sungai Besar.

However, he forgot the way to his children's house and was found by a passer-by wandering for an hour.

Villager Adyzul Azree Mustafa said the headman of Kampung Parit 4 Sungai Panjang asked him for help to find Asrah's family at 9pm.

"We finally managed to contact his children about their missing father and they picked him up at 11pm," he said.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/4/2019 | STAR METRO | COMMENT | 8 |

Citycism
AIDA AHMAD

aidaahmad@thestar.com.my

# We must protect the Sungai Buloh nurseries

## Forcing horticulture industry in the area to make way for development a bad idea

AS A condominium dweller, any semblance of a "garden" on the premises is in my balcony that is home to a few easy-to-maintain plants like aloe vera and some species of ficus and money plants.

The aloe vera was given by a friend, but the other plants were bought from one of the many nurseries that dot the horticultural hub that is Sungai Buloh.

It is still my favourite pastime to take a drive there on my day off work to see what can I buy to add to my small green space.

Like many other people, I like going to Sungai Buloh to shop for plants and sometimes succulents because the prices are reasonable and competitive.

But that will soon be a thing of the past because the nurseries that have occupied the stretch along Jalan Sungai Buloh since 1999 under a Temporary Occupation Licence (TOL) are being forced to move out.

This is because the TOL was not renewed as of 2008 by the Selangor government, ostensibly due to the discovery of huge underground water pipes there.

The Selangor Agricultural Development Authority (PKPS), in 1999, brought in these nurseries to grow the horticulture industry in the area, and for 10 years the nursery owners paid a monthly fee to the corporation under a stipulated contract.

But in 2008, they were informed in a letter that the corporation decided to opt out of the agreement with immediate effect.

Since the nursery owners do not own the TOLs and with the freeze on new TOL applications by the state government, they have been left in limbo.

Now, the land that the nurseries occupy has been acquired by a property developer and the new Damansara-Shah Alam Elevated Expressway (DASH) will also cut through the area.

To be fair, the nurseries were offered to move to Bukit Cerakah in Shah Alam to continue their business, but many of them say this area is not suitable because of the hilly slopes.

It is apparent that the authorities have washed their hands off this issue, leaving the nurseries to fend for themselves.

There is plenty of agricultural land for sale in Selangor, and what the state government should do is acquire a piece of land in a suitable area to house all the nurseries and charge the operators a monthly rent.

This way, the state government can get an income and continue to help the nurseries grow the horticulture business, for everyone's benefit.

More importantly, it will help us, the consumers, who still want to support the industry because looking at the rate of development in the state and country, we need all the green energy we can get to make the urban landscape/concrete jungle more pleasant.

Letting the nurseries die off will be a big mistake because it is a lucrative and sustainable business, and what was once a noble initiative should be continued for the sake of future generations.



The nurseries in Sungai Buloh are particularly popular during festive seasons as Klang Valley folk making a beeline for plants with auspicious meanings.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 20/4/2019 | NST | NATION / NEWS | 13 |



*An aerial picture taken by a drone showing the Marine Department ship 'Al Nilam' cleaning up the oil slick in the waters off Tanjung Balau in Kota Tinggi yesterday.* PIX BY ZAIN AHMED

SEA POLLUTION

# COMPENSATE US, SAY FISHERMEN

## Oil slick has damaged our fishing equipment, they claim

MOHD SABRAN MD SANI
AND NURUL AMANINA SUHAINI
**KOTA TINGGI**
cnews@nstp.com.my

WITH their livelihood threatened by the recent oil slick, some 50 fishermen in Tanjung Balau and Tanjung Lompat have turned to the government for assistance.

"This is the worst oil slick we ever faced," said Koperasi Sinar Tanjung Balau chairman Salahuden Abu Bakar.

The oil was also seen on nearby beaches, posing a threat to the marine ecosystem and tourism.

He said rehabilitation efforts would take at least six months after the 10km slick was cleared.

This, he said, was on top of the losses they suffered due to damaged fishing equipment, including *bubu* (fish traps) and nets.

"Most of our new *bubu* are made of rotan, wood and steel wires. They are used here as they blend well with the natural landscape and made catching fish more effective.

"However, the new *bubu*, which costs RM200 each, are now covered in black oil. Even if we manage to clean them up, there is no guarantee that they will be usable again as the strong scent of grease will drive fish away," he said at Tanjung Balau here.

He said the fishermen had suffered losses amounting to RM8,000 when 40 of their fish traps were damaged.

"Each fisherman earns between RM400 and RM500 weekly. However, they cannot use *bubu* due to the oil slick," he said.

Salahuden hoped that the government could help the fishermen obtain compensation from the parties responsible.

The Marine Department had, on Thursday, found 300 tonnes of marine fuel oil covering a distance of 10km in Tanjung Balau and Batu Layar waters, with some of the black substance reaching the beach.

It had informed the Johor Environment Department to conduct a check on the oil samples.





*(Left) The oil slick found on a beach in Tanjung Balau, Kota Tinggi, yesterday. (Right) The crew of 'Al Nilam', a boat belonging to the Marine Department, deploying a net to clean up an oil slick yesterday.*

## Drone comes in handy for Marine Dept's clean-up work

**KOTA TINGGI:** The Marine Department Malaysia (southern region) is using drone technology to record images and videos of the oil slick in the waters off Tanjung Balau here to identify affected areas and plan clean-up work.

Its director, Dickson Dollah, said the drone had helped the department's personnel to estimate the extent of the oil-to-sea discharge.

"It is common to use drones to monitor oil spills in the sea. This is because we can have a clear aerial view of the slick and where it is heading, whether further out or to nearby beaches.

"That way, we can make the next move, including coming up with a plan to clean up the slick," he said on board the Marine Department's boat, *Al Nilam*, yesterday.

Dickson said the special drone was supervised by the Marine Department's emergency unit and was deployed since the first day of the oil spill.

"The emergency unit follows the boat. It does not only assist with the clean-up work, but also comes in handy in the event of a shipwreck. We have the expertise to handle the drone, which can record pictures and videos as evidence and store information for future reference."

According to Dickson, the drone would record pictures and videos of ship movements.

He said drones were used by the Marine Department in three circumstances: shipwreck investigations, salvaging operations and oil spills.

Bernama yesterday reported that the authorities had suspected that foreign tankers had discharged marine fuel into the sea, resulting in an oil slick off Kota Tinggi on Wednesday.

Quoting Dickson, it said satellite images had captured several vessels anchoring for more than two days from April 14 in the waters off Tanjung Balau and Batu Layar, where the slick was detected.

Dickson believed these ships could have discharged the fuel at night to avoid detection, and they had since left the area.

He estimated 300 tonnes of marine fuel oil had been dumped, covering an area of about four nautical miles from the coast.

A clean-up operation had been launched yesterday, he said, adding that it could take three to four days to clear the slick.